

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 30 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 08

Tunggakan sewa rumah PPA, PPR kini RM58 juta

KUALALUMPUR - Tunggakan bayaran sewa di Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) kini berjumlah RM58 juta.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad berkata, tunggakan itu yang dikenal pasti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sejak puluhan tahun dahulu masih tidak menemui penyelesaiannya dan antara alasan utama penyewa ialah mereka tidak mempunyai pekerjaan untuk membayar sewa.

"Tunggakan sekarang sebanyak RM58 juta. Ini bukan dalam setahun sejak Pakatan Harapan (PH) ambil alih, ini dah banyak tahun dan benda ini tidak selesai-selesai.

"Jadi bila kami (PH) ambil alih, kami tak nak gunakan pendekatan mengejut.

"Kami beri tempoh dalam



Khalid (tengah) meninjau kawasan perumahan ketika Program Komuniti Sejahtera 'Inisiatif Wilayah Peduli' di Perumahan Awam Desa Rejang, Setapak semalam.

tiga atau enam bulan (untuk penduduk bayar sewa)," katanya selepas merasmikan Program Inisiatif Wilayah Peduli (Komuniti Sejahtera) di PA Desa Rejang di sini semalam.

Hadir sama, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan; Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri

Mazlan Lazim dan Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Datuk Seri Zulkifli Abdullah.

Khalid berkata, DBKL merintis program Karnival Kerjaya yang bermula di PA Desa Rejang dalam usaha membantu penduduk menyelesaikan tunggakan sewa rumah. - Bernama